



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA**

---

**Isnin, 13 April 2020  
Untuk Siaran Segera**

**KENYATAAN MEDIA  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**TAJUK: JADUAL PENERBANGAN DARI SEMENANJUNG MALAYSIA  
KE SARAWAK SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN**

---

Kementerian Pengangkutan Malaysia mengambil maklum gesaan Kerajaan Negeri Sarawak supaya penerbangan antara Semenanjung dan negeri itu diteruskan semula, sebagaimana kenyataan Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sarawak, Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah dalam sidang medianya hari ini, 13 April 2020.

Kementerian Pengangkutan tidak pernah mengarahkan syarikat-syarikat penerbangan seperti Malaysia Airlines (MAS), AirAsia atau Malindo untuk menghentikan operasi penerbangan mereka ke Sarawak dan Sabah.

Pada 26 Mac 2020, AirAsia Group Berhad telah mengeluarkan kenyataan bahawa syarikat berkenaan terpaksa menghentikan sementara operasi mereka bagi penerbangan antarabangsa dan domestik, mulai 28 Mac 2020 hingga 28 April 2020. Dalam kenyataan sama, AirAsia menyifatkan ia sebagai langkah terbaik demi kepentingan bersama penumpang dan kakitangan syarikat pada saat berdepan waktu sukar.

Manakala MAS pula telah menghentikan operasi mereka berikutan jumlah penumpang yang turun mendadak sehingga 10% - 15%. Keputusan tersebut terpaksa diambil kerana ia menyebabkan MAS menghadapi

kerugian besar dan berupaya memberikan implikasi lebih buruk sekiranya operasi penerbangan diteruskan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan telah meminta pihak MAS dan AirAsia supaya mempertimbangkan semula keputusan masing-masing seterusnya membolehkan perkhidmatan penerbangan ke Sabah dan Sarawak dapat beroperasi semula.

Saya juga telah menghubungi Malaysia Airlines Berhad (MAB) berhubung perkara ini. MAB menyatakan bahawa mereka akan memulakan penerbangan pada minggu ini dengan penerbangan berikut ;

1. KL - Kuching - KL : 1 x seminggu
2. KL - Miri - KL : 1x seminggu
3. KL - Kota Kinabalu - KL : 1x seminggu

Mereka juga akan memastikan penerbangan ini akan dihubungkan oleh MASwings dari :

1. Miri - Bintulu - Miri
2. Kuching - Sibul - Kuching
3. Sibul - Bintulu - Sibul

Jika permintaan meningkat, mereka akan menambah lebih banyak penerbangan ke Kuching atau Miri atau Kota Kinabalu mulai minggu hadapan.

Oleh itu, negeri Sarawak akan terus dihubungkan dengan Semenanjung Malaysia.

Dalam masa sama, pihak MAS turut menegaskan bahawa perkhidmatan kargo mereka khususnya dalam membawa muatan barangan keperluan rakyat seperti makanan dan keperluan perubatan ke Sarawak tidak pernah dihentikan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sebaliknya penerbangan kargo ke Sarawak dan Sabah terus beroperasi seperti berikut ;

- KL - Kuching - KL : 3x seminggu
- KL – Kota Kinabalu - KL : 3x seminggu
- KL - Labuan - KL : 3x seminggu

Dengan pengoperasian MASwings ini, maka pedalaman Sarawak dan Sabah juga akan terus berhubung. Sekiranya ada permintaan dan

penambahan penumpang, MAS bersedia untuk menambah frekuensi penerbangan mereka.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG**  
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**13 APRIL 2020**

**- TAMAT -**